No. 23 Vol. 02 (2023)
e-ISSN 2785-9169
https://ejournal.unipsas.edu.my

KAJIAN PASARAN PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA DI KOLEJ KOMUNITI KUANTAN

MARKET STUDY OF ARCHITECTURE TECHNOLOGY CERTIFICATE PROGRAMME AT KUANTAN COMMUNITY COLLEGE

Ts. Azharina Binti Azman[1],
Lizawati Binti Zainudin[1] &
Maulud Bin Tawang[1]
[1]Kolej Komuniti Kuantan

Perkembangan Artikel

Diterima:
Disemak:
Diterbit: 31 Oktober 2023

*Corresponding Author:
Ts. Azharina Binti Azman
Kolej Komuniti Kuantan
Malaysia

Email:
azharina@kkkua.edu.my

Abstrak

Program Sijil Teknologi Senibina (STS) di Kolej Komuniti Kuantan telah ditawarkan sejak tahun 2001 dan menjadi alternatif bagi graduan SPM atau SPMV untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang TVET. Kolej Komuniti ini memberikan penekanan kepada pembelajaran praktikal berbanding teori. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi industri terhadap pasaran Program STS di Kolej Komuniti Kuantan serta mengenalpasti kadar kebolehpasaran graduan program ini. Kajian ini melibatkan 15 industri dari bidang senibina dan menggunakan data analisis dari Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Kuantan dari tahun 2016-2020. Hasil kajian menunjukkan bahawa 69.2% industri bersetuju program ini memenuhi sepenuhnya kehendak asas teori dan praktikal dalam bidang senibina. Lebih daripada separuh industri menawarkan jawatan pelukis pelan senibina atau juruteknik senibina, dan majoriti menyediakan gaji di antara RM 1,001 hingga RM 1,500 sebulan. Selain itu, 93.3% majikan percaya program ini menghasilkan graduan yang menjadi rebutan industri. Dalam analisis kajian alumni, kebolehpasaran graduan program ini meningkat dari tahun 2016 hingga 2020, dengan 96.6% graduan Sijil Pelukis Pelan Senibina (SPS) (2016-2018) berjaya mendapat pekerjaan pada tahun 2018. Pada tahun 2020, 100% graduan Sijil Teknologi Senibina (STS) telah bekerja. Majoriti graduan bekerja dalam bidang senibina dan menunjukkan peningkatan pendapatan dari tahun ke tahun. Kesimpulannya, Program STS di Kolej Komuniti Kuantan mempunyai permintaan yang tinggi daripada industri. Program ini menyediakan pelbagai peluang pekerjaan dalam bidang senibina, pembinaan, rekabentuk bangunan, dan perabot. Pengiktirafan lebih lanjut dan peningkatan kualiti program ini akan memastikan relevan dengan pasaran senibina negara.

Kata kunci*: Sijil Teknologi Senibina; kebolehpasaran; graduan*

Abstract

The Sijil Teknologi Senibina (STS) programme at Kuantan Community College has been offered since 2001 and serves as an alternative for SPM or SPMV graduates to pursue higher studies in the field of TVET. The Community College emphasizes practical learning over theory. This study aims to obtain industries perceptions of the STS Programme's job marketability at Kuantan Community College and identify the employability rate of its graduates. The study involves 15 industries from the architecture field and utilizes data analysis from the Kuantan Community College Graduate Tracking Study Report from 2016 to 2020. The results indicate that 69.2% of industries agree that this programme fully meets the fundamental requirements of theory and practical aspects in the field of architecture. More than half of the industries offer positions such as architectural draugtmens or architectural technicians, with the majority providing salaries range from RM 1,001 to RM 1,500 per month. Additionally, 93.3% of employers believe that this program produces graduates sought after by the industries. As the alumni survey results, the employability of graduates from this programme has increased from 2016 to 2020, with 96.6% of Sijil Pelukis Pelan Senibina (SPS) graduates (2016-2018) securing jobs in 2018. By the year 2020, 100% of Sijil Teknologi Senibina (STS) graduates were employed. Most of the graduates work in the architecture field and demonstrate an increasing income over the years. In conclusion, the STS Programme at Kuantan Community College has high demand from the industry. The program provides various job opportunities in architecture, construction, building design, and furniture design. Further recognition and improvement in the quality of this program will ensure its relevance to the national architecture market.

Keywords*: Certificate in Architecture Technology; employability; graduates.*

PENGENALAN

Kolej Komuniti Kuantan menawarkan Program Sijil Teknologi Senibina bermula pada tahun 2001. Program ini memberi peluang kepada lulusan SPM atau SPMV menyambung pengajian mereka ke peringkat lebih tinggi. Konsep pembelajaran dan penilaian Kolej Komuniti adalah berbeza dengan kebanyakan IPT tempatan kerana memberikan lebih penekanan kepada praktikal (skill) berbanding teori semata-mata. Pengajian pada peringkat sijil mengambil masa sekurang-kurangnya selama empat (4) semester iaitu dua (2) tahun termasuk satu (1) semester Latihan Industri. Sistem pembelajaran senibina adalah komprehensif di mana ia menggabungkan pengetahuan teori dan praktikal yang meliputi pelbagai disiplin. Ia membuka ruang yang luas untuk luahan kreativiti serta penghayatan kepuasan intelek dimana setiap pelajar akan didedahkan kepada ilmu yang merangkumi kesenian, teknologi, struktur, pembinaan, sains, sejarah, budaya, ekonomi serta pengurusan.

Di era Revolusi Perindustrian 4.0 (4IR) ini, Kolej Komuniti bukan lagi Pelan B atau mungkin pilihan terakhir para lepasan SPM semata-mata, tetapi ia sebagai sebuah institusi yang melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang akan mempengaruhi ekonomi negara (Datuk Seri Mohd Shafie Apdal 2019). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dirangka bertujuan untuk membangunkan sistem yang tidak hanya menumpu kepada laluan akademik biasa, tetapi turut memberi penekanan kepada laluan TVET. Program Transformasi Ekonomi atau

Economic Transformation Program (ETP) adalah satu usaha komprehensif Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari RM 23,700 pada 2009 kepada lebih RM48,000 pada 2020 dan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan. Program ini memfokuskan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau National Key Economic Areas (NKEA).

Berdasarkan kepada Transformasi Nasional 2050 (TN50), menjelang tahun 2050 negara memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi daripada 37% kepada 55%. Menurut Ramlee 2013, Sebagai langkah untuk merealisasi sasaran negara, Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) perlu dipertingkatkan keupayaannya termasuk meningkatkan imej TVET pada pandangan masyarakat. Bagi memastikan program yang sedang ditawarkan kekal relevan dengan kehendak guna tenaga negara, kajian dan analisis pasaran program pengajian Sijil Teknologi Senibina telah dilaksanakan pada tahun ini selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RM Ke-12) (2021–2025). Kajian ini dilaksanakan secara dalam talian bagi memaksimumkan jumlah responden di samping memudahkan proses analisis dapatan kajian.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kolej Komuniti memberikan perkhidmatan kepada masyarakat sekitar melalui tawaran kursus sepenuh masa yang diiktiraf oleh kerajaan dan kursus pendek. Sesebuah bidang pengajian yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pendidikan dan latihan mestilah mendapat perakuan semua pihak dan memenuhi keperluan industri pada masa tersebut (Zaliza,et al.,2014). Kesan daripada ketidaksesuaian bidang pengajian dan bidang pekerjaan menyebabkan penurunan tahap kepuasan kerja, jumlah gaji yang diterima dan isu melompat kerja yang lebih kerap dalam kalangan graduan (Shujaat , Asif , Usman, & Muhammad Jehangir, 2009). Majikan lebih berminat kepada graduan yang memenuhi aspek keperibadian, sahsiah diri, keyakinan diri dan penampilan diri yang menarik untuk mengisi kekosongan jawatan di organisasi mereka (Muhammad Hazrul, 2012).

PERSOALAN OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Bagaimanakah persepsi majikan/industri terhadap pasaran Program Sijil Teknologi Senibina yang ditawarkan di Kolej Komuniti Kuantan?
2. Apakah kadar kebolehpasaran Graduan Program Sijil Teknologi Senibina di Kolej Komuniti Kuantan?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian pasaran bagi program ini dilaksanakan adalah bertujuan:

1. Mendapatkan maklum balas pasaran terkini daripada majikan/ industri yang berkaitan dengan program pengajian Sijil Teknologi Senibina yang sedang ditawarkan.

2. Mengenalpasti kadar kebolehpasaran Graduan Program Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Kuantan

SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya melibatkan sebanyak 15 responden dari majikan/industri dalam bidang senibina/pembinaan dan menggunakan data analisis (sumber sekunder) dari Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Kuantan dari tahun 2016-2020.

KEPENTINGAN KAJIAN

Program Sijil Teknologi Senibina (STS) merupakan salah satu program yang terdapat di Kolej Komuniti Kuantan. Program ini telah dijalankan di Kolej Komuniti Kuantan sejak dari tahun 2001 lagi. Sehubungan itu satu kajian dibuat untuk melihat keberkesanan program ini setelah 20 tahun dijalankan. Ini bagi memastikan program ini kekal berada di landasan yang betul dan memenuhi kehendak pasaran. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada graduan yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti Kuantan ini mampu untuk mendapat pekerjaan di dalam bidang pengajian yang diikuti mereka atau tidak dan kadar kebolehpasaran graduan mengikut bidang pengajian. Kajian ini dapat membantu pihak kolej dan Kementerian Pengajian Tinggi mengenalpasti program yang sedang ditawarkan ini masih kekal relevan dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga kerja negara.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Profesor Arkitek America, Larry Speck dalam ceramahnya bertajuk *Architecture and Society*, Senibina adalah faktor/unsur fizikal yang menggabungkan elemen seni dan sains. Ia merangkumi tiga keperluan asas manusia iaitu sebagai elemen pelindung, kesenian simbolik serta ekonomi. Pendidikan Seni Bina di Malaysia masa kini dan di masa akan datang berdepan dengan pelbagai cabaran yang kompleks seperti kongkongan isu ekonomi, era globalisasi, perubahan terhadap profesion dan bidang kerja seni bina, anjakan matlamat serta fokus institusi pengajian tinggi, peningkatan kehendak sosial dan budaya, isu alam sekitar serta kemajuan teknologi digital yang mendadak.

Ketidakselarasan penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh siswazah telah menimbulkan banyak isu bukan sahaja dari segi peranan institusi pengajian tinggi dan program

pengajian yang ditawarkan tetapi juga dari segi kualiti graduan yang dilahirkan. Kesukaran memperoleh pekerjaan dan pengangguran siswazah dikatakan berkait rapat dengan kekurangan kemahiran kebolehpasaran dan kebolehkerjaan graduan yang memasuki pasaran buruh (Nooriah Yusof, Zakiah Jamaluddin & Norain Mat Lazim 2013). Muhammad Hazrul Ismail (2012) terdapat lima faktor menyebabkan graduan sukar mendapat pekerjaan iaitu kekurangan kemahiran dan pengalaman kerja, ketidaksepadanan antara keperluan industri dengan bidang pengajian graduan, kurang keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik terutamanya dalam Bahasa Inggeris, bersikap negatif terhadap pekerjaan tertentu dan kurangnya kesedaran tentang kewujudan berbagai-bagai peluang pekerjaan. Hasil kajian ini mendapati bahawa jurang yang terbesar dicatatkan bagi ciri kebolehpasaran membuat keputusan dan penyelesaian masalah, manakala jurang terkecil dicatatkan bagi ciri kebolehpasaran ICT (Teknologi Maklumat). Secara keseluruhannya, semua ciri kebolehpasaran yang dikaji mencatatkan jurang negatif yang bermaksud wujudnya kekurangan di dalam prestasi kerja sebenar para graduan dengan prestasi yang diharapkan oleh para majikan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Mesheta Mohd Noor & Norazah Abdullah (2020), penyelidik mencadangkan bahawa Kolej Komuniti perlu sentiasa memastikan dan meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar melalui program-program berbentuk upskilling dan reskilling bagi memastikan graduan Kolej Komuniti sentiasa memenuhi kehendak dan keperluan industri. Justeru itu, pensyarah-pensyarah juga perlu didedahkan kepada perkembangan teknologi dan kemahiran terkini bagi mengekalkan serta meningkatkan peranan Kolej Komuniti dalam melahirkan graduan berkemahiran dan meningkatkan peranan kolej komuniti dari aspek kecemerlangan kapasiti bakat (Razzian et al. 2017).

Kajian Noorasiah Sulaiman dan Nursaliha Abd Ghafar (2019) mendapati industri atau firma pekerjaan memerlukan pekerja mempunyai kemahiran insaniah dan kemahiran generik lain bersesuaian serta menggalakkan latihan sambil bekerja (*on-the-job training*). Ini meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan daya cipta supaya sepadan dengan kemajuan teknologi pengeluaran dan perkhidmatan untuk memenuhi hasrat tersebut (Maniam & Liong 2007). Kebolehpasaran graduan merupakan satu kayu pengukur yang penting dalam menentukan adakah hasil keluaran program dan kolej ini diperlukan di industri. Graduan yang dilengkapi dengan kemahiran selain pengetahuan yang baik pastinya dapat menyediakan pilihan tenaga kerja yang baik kepada industri.

METODOLOGI

Pengenalan

Metodologi adalah penting supaya kajian yang dijalankan mempunyai kaedah yang sesuai untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan kesahan yang tinggi. Menurut Mohd Majid (2010) metodologi merupakan kaedah yang penting untuk memperoleh maklumat dan seterusnya mendapatkan keputusan dalam sesuatu kajian. Oleh itu, kaedah kajian yang dirangka adalah melibatkan reka bentuk kajian, instrumen kajian, persampelan dan analisis data.

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kuantitatif melalui tinjauan kaji selidik dan kaedah kualitatif menggunakan data analisis (sumber sekunder) dari Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti dari tahun 2016-2020. Kaedah kuantitatif ini menggunakan analisis deskriptif kerana dapat memberi gambaran atau maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping membantu membuat perancangan pada masa akan datang (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2014). Ia sesuai digunakan dalam kajian ini kerana dapatan kajian ini merupakan maklumat peristiwa yang sedang berlaku dan boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan untuk masa hadapan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua set instrumen iaitu (i) Kajian Pasaran dan (ii) Kajian Alumni. Set instrumen (i) menggunakan Borang soal selidik yang telah disediakan oleh Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI,JPPKK). Soal selidik dalam bentuk *Google Form* tersebut telah diedarkan melalui wassap/telegram/email kepada majikan/industri. Manakala untuk set instrumen (ii) merupakan data analisis (sumber sekunder) dari Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Kuantan bagi tahun 2016- 2020.

Populasi dan Persampelan

Dalam kajian ini, populasi adalah sebanyak 15 majikan/industri yang tersenarai dalam direktori majikan Latihan Industri Kolej Komuniti Kuantan. Kajian ini juga telah dilaksanakan secara kuantitatif dengan membuat tinjauan ke atas sampel majikan/industri dan data analisis dari Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Kuantan dari tahun 2016-2020. Jumlah saiz majikan adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejecie dan Morgan (1970). Borang Soal Selidik tersebut diedarkan kepada industri/majikan yang terlibat dengan mengambil kira penetapan nisbah minimum 10% (*response rate*) daripada industri/majikan yang berkaitan dengan program pengajian termasuk industri bagi Latihan Industri (LI) pelajar. Justeru, kajian ini menggunakan 15 majikan yang telah dipilih secara rawak mudah. Ini untuk memastikan sampel yang terpilih mewakili populasi industri yang sebenar.

Analisis Data

Kaedah kuantitatif yang digunakan bagi kajian ini yang merangkumi tinjauan soal selidik. Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan perisian *Google Form* untuk menjawab setiap persoalan kajian.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik melalui borang *Google Form* yang telah diedarkan kepada 15 responden bagi mendapatkan data kajian pasaran dan juga melalui data analisis (data sekunder) merujuk kepada Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Kuantan dari tahun 2016 – 2020 bagi mendapatkan data kajian daripada alumni. Kajian pasaran dari

majikan/industri terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu kandungan program dan kesesuaian dengan keperluan organisasi, peluang kerjaya dan lain-lain.

Kajian Pasaran


Analisis Kajian Pasaran terhadap industri/majikan menunjukkan keputusan seperti berikut:

Bahagian I : Kandungan Program dan Kesesuaian dengan Keperluan Organisasi

i. Jenis Pemilikan Organisasi

Nyatakan jenis organisasi / industri:

Jenis organisasi	Bilangan
Organisasi / industri milik tempatan	15
Organisasi / industri milik asing	0




Rajah 1 : Jenis milikan organisasi / industri

100% pelajar Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Kuantan memilih organisasi / industri milik tempatan berbanding industri asing. Tiada pelajar bekerja di industri milik asing.

ii. Memenuhi kehendak asas teori dan praktikal bidang senibina

Adakah program yang ditawarkan memenuhi asas-asas teori dan praktikal dalam bidang berkenaan?

Kriteria	Bilangan	Peratusan
Memenuhi sepenuhnya	11	73.3%
Memenuhi sebahagian	4	26.7%
Tidak memenuhi langsung	-	-




Rajah 2: Memenuhi kehendak asas teori dan praktikal bidang senibina

Sebanyak 69.2% majikan berpendapat Program Sijil Teknologi Senibina yang ditawarkan di Kolej Komuniti Kuantan memenuhi sepenuhnya kehendak asas-asas teori dan praktikal dalam bidang senibina di dalam industri. Manakala 30.8% majikan berpendapat program ini hanya memenuhi sebahagian sahaja dari asas-asas teori dan praktikal di dalam bidang senibina. Namun begitu, tiada majikan yang berpendapat program ini tidak memenuhi langsung asas teori dan praktikal bidang senibina.

iii. Kesesuaian program dalam keadaan semasa

Adakah program yang ditawarkan sesuai dalam keadaan semasa?



Rajah 3: Kesesuaian program dalam keadaan semasa

Respon yang diterima adalah 100% majikan bersetuju program ini sesuai dijalankan dalam keadaan semasa.

iv. Tempoh pengajian dan latihan industri

Adakah anda berpendapat program yang dicadangkan ini mencukupi dari segi :

a. Jangka masa pengajian
b. Tempoh latihan industri

Jadual 1: Jangka masa pengajian dan tempoh latihan industri

	Ya	**Tidak**
Jangka masa pengajian	100%	0%
Tempoh latihan industri	93.3% (14)	6.7% (1)

Jangka masa pengajian di kolej komuniti sepanjang dua (2) tahun merangkumi selama tiga (3) semester bagi pengajaran dan pembelajaran di kolej dengan mengambil masa satu (1) tahun enam (6) bulan dan satu (1) semester di latihan industri dalam masa empat (4) bulan.
100% majikan bersetuju jangka masa pengajian adalah bersesuaian dan mencukupi manakala bagi tempoh latihan industri, 92.3% majikan bersetuju tempoh yang diberikan adalah mencukupi dan selebihnya sebanyak 7.7% majikan berpendapat tempoh masa yang diberikan untuk latihan industri tidak mencukupi.

Bahagian II : Peluang Kerjaya

i. Kesesuaian graduan bekerja di organisasi

Adakah graduan program ini sesuai bekerja di organisasi anda? Jika YA, nyatakan dalam bidang apa? (Contoh : senibina, pembinaan bangunan, reka bentuk bangunan)

Jadual 2: Kesesuaian bidang graduan bekerja

Bidang	Bilangan	Peratus
Senibina	7	46.7%
Pembinaan bangunan	4	26.7%
Rekabentuk bangunan	3	20%
Perabot	1	6.7%

100% responden bersetuju graduan program ini sesuai bekerja di organisasi mereka. Majoriti sebanyak 46.7% memilih bidang senibina. Ini kerana organisasi yang menawarkan pekerjaan kepada graduan Sijil Teknologi Senibina adalah terdiri daripada firma-firma arkitek dan pelukis pelan. Selebihnya memilih bidang pembinaan, rekabentuk dan perabot kerana bidang-bidang ini juga bersesuaian dengan program yang ditawarkan di kolej komuniti.

ii. Jawatan yang sesuai bagi graduan program ini

Apakah jawatan yang sesuai di organisasi anda bagi graduan program ini? (Contoh : Pelukis pelan senibina, Pelukis pelan kejuruteraan, Juruteknik bangunan, Pembuat model bangunan, Penyelia tapak pembinaan, BIM modeller)


Jadual 3: Jawatan sesuai bagi graduan STS

Jawatan	Bilangan	Peratus
Pelukis Pelan Senibina / Juruteknik Senibina	8	53.3%
Penyelia Tapak	4	26.7%
Perekabentuk (*Designer*)	1	6.7%
Pembuat Model Bangunan	1	6.7%
BIM Modeller	1	6.7%

Berapa banyak jawatan yang sesuai diisi dalam organisasi anda oleh graduan program ini?

Jadual 4: Jawatan yang sesuai dalam organisasi (oleh majikan/industri)

Bilangan Jawatan yang ditawarkan	Bilangan	Peratus
1 – 3 jawatan	13	86.7%
4 – 6 jawatan	1	6.7%
7 – 9 jawatan	1	6.7%
Lain-lain	0	0




Rajah 4: Bilangan jawatan yang ditawarkan di organisasi

Majoriti majikan/industri ini menawarkan jawatan Juruteknik Senibina atau Pelukis Pelan Senibina kepada graduan kolej komuniti memandangkan kolej komuniti melahirkan graduan di peringkat sijil. Sebanyak 53.3% menawarkan jawatan pelukis pelan senibina atau juruteknik senibina. Sebanyak 26.7% majikan/industri menawarkan jawatan penyelia tapak dan selebihnya menawarkan jawatan perekabentuk, pembuat model bangunan dan *BIM Modeller*. Penawaran jawatan ini adalah berdasarkan subjek yang telah dipelajari oleh graduan Sijil Teknologi Senibina sepanjang dua (2) tahun pengajian.

iii. Pendapatan yang sesuai ditawarkan

Apakah pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan ini?




Rajah 5: Pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan

Sebanyak 60% majikan/industri menawarkan gaji sebanyak RM 1,001.00 – RM1,500.00 kepada graduan Sijil Teknologi Senibina manakala sebanyak 40% organisasi/industri menawarkan gaji lebih daripada itu iaitu sebanyak RM1,501.00 – RM2,000.00 kepada graduan Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Kuantan.

Beberapa pendapat daripada responden bahawa gaji yang ditawarkan bergantung kepada kemahiran seseorang graduan termasuk kemahiran menggunakan perisian berkaitan senibina, kemahiran dan ilmu teknikal dan kemahiran di tapak bina.

iv. Peluang ke peringkat yang lebih tinggi

Adakah program ini sesuai untuk dilanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi?



Rajah 6: Peringkat pengajian


Jadual 5: Peluang ke peringkat lebih tinggi

Peluang ke peringkat yang lebih tinggi	Bilangan	Peratus
Peringkat Diploma	8	53.3%
Peringkat Ijazah	5	33.3%
Peringkat Sarjana	2	13.3%

Semua responden bersetuju program ini sesuai dilanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi. 53.3% responden bersetuju graduan program ini layak menyambung pengajian ke peringkat diploma, 33.3% berpendapat graduan program ini layak ke peringkat ijazah manakala 13.3% responden berpendapat graduan ini layak ke peringkat sarjana.

Bahagian III : Lain-lain

i. Adakah organisasi anda mempunyai penajaan pelajar dalam bidang ini?



Rajah 7: Penajaan pelajar dalam bidang

Daripada 15 responden yang terpilih, 80% daripadanya tidak mempunyai penajaan pelajar dalam bidang ini. Hanya 20% responden sahaja yang menawarkan penajaan pelajar dalam bidang ini.

ii. Adakah anda akan menggalakkan kakitangan atau rakan anda untuk mengikuti program ini?

100% responden yang juga majikan/industri senibina bersetuju untuk menggalakkan kakitangan dan rakan mengikuti program pengajian Sijil Teknologi Senibina di Kolej Komuniti Kuantan. Mereka berpendapat skop bidang senibina adalah luas dan banyak kemahiran boleh dipelajari dari bidang ini dan banyak peluang pekerjaan boleh dikembangkan daripada bidang ini.

iii. Pada pendapat anda, adakah program ini dapat menghasilkan graduan yang diingini? (Sila jawab YA atau TIDAK dan nyatakan alasannya)

93.3% bersetuju bahawa program ini menghasilkan graduan yang diingini dan hanya 6.6% sahaja yang tidak bersetuju. Majoriti majikan/industri bersetuju dan memberi pendapat bahawa kejayaan sesuatu program adalah bergantung kepada minat dan kecenderungan graduan itu sendiri terhadap bidang senibina. Graduan yang dilahirkan dari Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Kuantan

ini berjaya menjadi *feeder* kepada industri memandangkan bidang senibina dan pembinaan adalah bidang yang sentiasa memerlukan pekerja dan menawarkan pekerjaan.

KAJIAN ALUMNI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu data analisis dari Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti. Maklumat bagi kajian alumni ini diambil daripada tahun 2016 hingga 2020 yang merangkumi pelajar lulusan Sijil Pelukis Pelan Senibina (2016-2018) sebelum ia bertukar nama kepada Sijil Teknologi Senibina (2018-2020).

Rajah 8 menunjukkan kadar kebolehpasaran pelajar Sijil Pelukis Pelan Senibina Kolej Komuniti Kuantan pada tahun 2016 hingga 2018. Pada tahun 2018, ia menunjukkan peningkatan ketara peratus bekerja iaitu sebanyak 96.6 peratus dan hanya sebanyak 3.4 peratus yang melanjutkan pengajian.



Rajah 8: Kadar peratus kebolehpasaran pelajar Pelukis Pelan Senibina, Kolej Komuniti Kuantan dari tahun 2016 hingga tahun 2018

Rajah 9 pula menunjukkan Kadar kebolehpasaran pelajar Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Kuantan pada tahun 2018 hingga 2020. Pada tahun 2019 dan 2020 data telah menunjukkan ia mencapai kadar 100 peratus jumlah graduan yang telah bekerja.



Rajah 9: Kadar peratus kebolehpasaran pelajar Teknologi Senibina, Kolej Komuniti Kuantan dari tahun 2018 hingga tahun 2020



Rajah 10: Kadar peratus pendapatan bulanan pelajar Pelukis Pelan Senibina,Kolej Komuniti Kuantan dari tahun 2016 hingga tahun 2018

Bagi status pendapatan bulanan graduan pelajar, data diambil daripada tahun 2016 hingga 2020. Bagi graduan Sijil Pelukis Pelan Senibina (2016 - 2018), majoriti pelajar mendapat pendapatan di antara RM1,001 hingga RM 1,500 sebulan dan menunjukkan sedikit peningkatan setiap tahun sepanjang berdasarkan rajah 10. Manakala pada rajah 11 menunjukkan status pendapatan bulanan graduan Sijil Teknologi Senibina dari tahun 2018 – 2020. Rajah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 66.7% graduan memperoleh pendapatan sebanyak RM 2,001 hingga RM 2,500 pada tahun 2020. Pada tahun 2019 dan 2020 juga tiada data pelajar yang memperoleh pendapatan bulanan dibawah RM 1,000.



R ıniti

Be lang

at alah

tir ja di

dalam bidang adalah sebanyak 100%. Ini menunjukkan bahawa graduan pelajar senibina dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam bidang industri.



Rajah 12: Bekerja dalam bidang atau luar bidang bagi graduan Sijil Pelukis Pelan Senibina Kolej Komuniti Kuantan 2016 – 2018



Rajah 13: Bekerja dalam bidang atau luar bidang bagi graduan Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Kuantan 2018 – 2020

KESIMPULAN

Secara amnya, kajian dan analisis pasaran bagi program Sijil Teknologi Senibina telah mencapai objektif yang diharapkan di mana analisis sumber data dan analisis kajian pasaran dari industri/majikan menunjukkan program ini mempunyai permintaan industri dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga kerja negara. Terdapat beberapa implikasi yang boleh diambil kira berkaitan penawaran program pengajian ini melibatkan aspek-aspek berikut:

i. Tenaga pengajar: barisan tenaga pengajar yang berlatarbelakangkan bidang senibina banyak memberi impak kepada pendedahan dan persediaan pelajar sebelum bergraduasi dan bekerja di dalam bidang.

ii. Infrastruktur dan fasiliti: infrastruktur dan fasiliti yang mencukupi serta terkini terutamanya perisian-perisian terkini yang digunakan di dalam industri semasa memberi impak kepada graduan supaya lebih mahir dan dapat mengadaptasi dengan baik di alam pekerjaan.

iii. Kurikulum: kurikulum sedia ada disemak semula setiap 5 tahun dan melalui proses penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) setiap tahun bersama-sama pemegang taruh (*stakeholders)* bagi memastikan kurikulum yang diajar selari dengan kehendak industri

iv. Lokasi: Kolej Komuniti Kuantan terletak di Bandar Indera Mahkota, Kuantan merupakan kawasan yang padat penduduk dan mempunyai komuniti yang mampu menyokong pembangunan program ini.

Berdasarkan analisa dan hasil dapatan kajian, pihak industri tempatan bersetuju dan menyokong penubuhan dan penawaran program Sijil Teknologi Senibina di Kolej Komuniti Kuantan. Dari sudut pembelajaran dan pengajaran yang didedahkan kepada pelajar, mereka berpendapat masih relevan dari seiring dengan bidang senibina terkini. Peluang kerjaya bagi graduan Sijil Teknologi

Senibina juga adalah cerah kerana industri senibina tempatan dapat menyokong dan mengambil graduan bekerja dengan gaji yang sepatutnya. Sebahagian daripada industri juga mampu untuk menanggung pengajian pelajar sekiranya perlu bagi memastikan kemahiran yang digunakan di dalam industri terkini dengan revolusi industri semasa. Hasil kajian daripada data alumni juga menunjukkan kadar peningkatan peratusan yang bekerja mengikut bidang pengajian.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2014). *Kaedah Penyelidikan Islam:Perspektif Islam*. (Ahmad Munawar Ismail, Ed.) (1st ed.). Bangi:Penerbit UKM

Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (2019). *Kolej Komuniti Ke Arah Pembangunan Modal Insan Berasaskan Kemahiran*.Malaysia aktif

Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). *Determine Sample Size for Research*. Education and Psychological Measurement, 30, 607-610.

KPM. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya

Maharam Mamat*, Dayana Daiman, Rahani Mohd Musa, Nur Athirah Irham, Wong Kok Mun & Yong Voon Yau. Malim (2019): *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara 20*

Mesheta Mohd Noor & Norazah Abdullah. (2020). *Persepsi majikan terhadap pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa menjalani latihan industri*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 3(4): 026- 035.

Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Edisi ke 7*. Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). "*Reka Bentuk Soal Selidik Pendidikan*." Edisi Pertama. Skudai, Johor:Universiti Teknologi Malaysia.

Muhammad Hazrul , I. (2012). *Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan*. Prosiding Perkem VII, 2, 906 - 913.

(2016 - 2020). Laporan Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Kuantan

Nooriah, Y., Zakiah , J., & Noraini, M. (2013). *Persepsi Pelajar Prasiswazah Terhadap Kebolehpasaran Graduan dan Persaingan dalam Pasaran Pekerjaan*. Jurnal Personalia Pelajar, 16, 77-92

Ramlee. (2013)" *The role of vocational and technical education in the industrialization of Malaysia as perceived by educators and employers*."Doctoral Dissertation. Purdue University

Shujaat , F., Asif , J., Usman, A., & Muhammad Jehangir, K. (2009). Educational and Quality Mismatches: Non-Monetary Consequences in Pakistan. European Journal of Social Sciences,9(2)

Zaliza , H., Ridzwan, C., Mohd Nazri , A., Mohd Safarin, N., Abu Bakar , M., & Khairul Anuar, H. (2014). *Penentu Kesepadanan Bidang Pengajian -Pekerjaan Dalam Kalangan Graduan Kolej Komuniti*.